



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Tingkat Bawah, Menara PTPTN,
Blok D, Megan Avenue II,
No.12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Careline : 03-2193 3000
Portal Rasmi : www.ptptn.gov.my
Aduan: <http://icare.ptptn.gov.my>

**BORANG PERMOHONAN PENJADUALAN / PENSTRUKTURAN SEMULA
PINJAMAN PENDIDIKAN**

1. Borang yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan (PPN/ PPC) yang berhampiran. Senarai PPN/ PPC boleh dirujuk melalui Portal PTPTN di alamat www.ptptn.gov.my.
 2. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami Dasar Privasi dan Keselamatan PTPTN sebelum melengkapkan borang. Dasar tersebut boleh dirujuk melalui Portal PTPTN atau PPN/ PPC yang berhampiran.
 3. PTPTN merupakan salah satu agensi Kerajaan yang melaksanakan myIDENTITY. Sehubungan itu, sebarang perubahan pada maklumat perhubungan (alamat surat menyurat, nombor telefon mudah alih dan e-mel) akan turut dikemas kini dan digunakan oleh agensi Kerajaan lain yang melaksanakan myIDENTITY (jika berkaitan). Maklumat lanjut berkenaan myIDENTITY boleh dirujuk melalui laman web myIDENTITY di alamat www.myidentity.gov.my.
-

Syarat-Syarat Umum Permohonan Layak Dipertimbangkan:

1. Pinjaman Ujrah;
2. Permohonan terbuka kepada semua status pinjaman termasuk berhenti, batal perjanjian, gagal, menerima penaja lain dan tamat pengajian/ pinjaman;
3. Permohonan penjadualan/ penstrukturan semula bayaran balik pinjaman pendidikan hanya dibenarkan pada bulan berikutnya setelah kelulusan diberikan untuk setiap pinjaman/ pengajian;
4. Had umur maksimum bagi penentuan tempoh penjadualan/ penstrukturan semula bayaran balik pinjaman adalah sehingga 60 tahun.
5. Pinjaman Konvensional yang telah membuat pertukaran kepada pinjaman Ujrah boleh dipertimbangkan penjadualan/ penstrukturan bayaran balik.

Syarat-Syarat Umum Permohonan Tidak Layak Dipertimbangkan:

1. Pinjaman Konvensional;
2. Peminjam telah mencapai umur 60 tahun semasa memohon;

Permohonan Penjadualan Semula Bayaran Balik

1. Peminjam akan dikenakan yuran pemprosesan seperti berikut:
 - (i) Kali pertama : dikecualikan
 - (ii) Kali kedua : RM50;
 - (iii) Kali ketiga : RM100;
 - (iv) Kali keempat : RM150; dan
 - (v) Kali kelima dan seterusnya : RM200
2. Peminjam perlu menyelesaikan kos pelbagai (jika ada) terlebih dahulu seperti kos penguatkuasaan, hutang duti setem dan yuran pemprosesan;
3. Penjadualan semula tidak melibatkan perubahan pada jumlah pinjaman, kos upah dan baki tempoh bayaran balik pinjaman asal;

Permohonan Penstrukturan Semula Bayaran Balik

1. Peminjam perlu menanggung kos-kos berikut:
 - a) Yuran pemprosesan iaitu:
 - (i) Kali pertama : dikecualikan
 - (ii) Kali kedua : RM50;
 - (iii) Kali ketiga : RM100;
 - (iv) Kali keempat : RM150; dan
 - (v) Kali kelima dan seterusnya : RM200
 - b) Upah tambahan tempoh bayaran balik pinjaman pendidikan;
 - c) Perlindungan Takaful bagi tambahan tempoh bayaran balik pinjaman pendidikan; dan
 - d) Duti setem
2. Peminjam perlu menyelesaikan kos pelbagai (jika ada) terlebih dahulu seperti kos penguatkuasaan, WPP (sekiranya tidak dijelaskan akan dikira sebagai prinsipal baru), hutang duti setem, hutang Takaful dan yuran pemprosesan;
3. Peminjam perlu menyediakan setem hasil berjumlah RM20

Dokumen-Dokumen Yang Diperlukan:

1. Borang Permohonan Penjadualan / Penstrukturan Semula Pinjaman Pendidikan boleh didapati di Portal Rasmi PTPTN www.ptptn.gov.my/web/guest/borang2; dan
2. Salinan slip gaji terkini; atau
3. Penyata KWSP terkini; atau
4. Penyata pendapatan (bagi yang bekerja sendiri)

